

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN  
(KENINGAU)**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengaktifkan semula Ranjer dan Pengawal Sempadan (Border Scouts) Sabah dan Sarawak untuk membantu mengawal keselamatan dan sempadan Sabah dan Sarawak memandangkan pihak Sarawak pun bersetuju kepada cadangan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan memandang serius isu keselamatan negara terutamanya di Sabah dan Sarawak. Ketika ini, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah pun menempatkan formasi-formasi di kedudukan strategik bagi mempertahankan kedaulatan negara. Pasukan yang sedia ada kini mampu untuk melaksanakan tugas menjaga keselamatan. Justeru dengan itu, pada masa kini, Kerajaan tidak merancang untuk mengaktifkan semula "*Sarawak Rangers*" dan "*Border Scouts Sabah*".

ATM juga telah memperkuatkan pertahanan di negeri Sarawak dan Sabah dengan menstruktur semula organisasi Tentera Darat agar dapat beroperasi secara serentak di kedua-dua wilayah terutamanya Markas Pemerintahan Medan Timur yang melibatkan pengstrukturkan satu Divisyen Infantri dan Dua Briged Infantri di wilayah Malaysia Timur. Selain itu, ATM turut mengatugerakkan trup dan aset yang bersesuaian untuk membantu kawalan keselamatan di *Eastern Sabah Security Zone* (ESSZONE) di bawah kawalan pemerintahan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL**  
**[ SUNGAI PETANI]**  
**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 35**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan subjek sejarah khusus tentang Perjanjian Malaysia 1963 (MA 63) dan subjek ini diajar seawal di sekolah rendah agar rasa cinta kepada Malaysia ditanam awal pada pelajar-pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kurikulum yang terdapat dalam buku teks Sejarah yang digunakan di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah berdasarkan kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fakta yang berkaitan dengan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) sememangnya telah dimasukkan dalam kurikulum buku teks Sejarah. Perjanjian Malaysia ini diajarkan di bawah tajuk Pembentukan Malaysia dan merupakan peristiwa bersejarah bagi negara yang perlu dipelajari oleh murid sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun di peringkat sekolah menengah.

Penjelasan tentang sejarah Pembentukan Malaysia dan Perjanjian Malaysia 1963 ini dinyatakan secara berbeza-beza mengikut aras dan tahap keupayaan murid. Mata pelajaran Sejarah telah pun diajar kepada murid sekolah rendah tahap dua (Tahun 4, 5 dan 6) sebagai salah satu usaha memupuk rasa cinta kepada negara dalam diri murid bermula tahun 2014. Oleh yang demikian, KPM sekali lagi ingin menegaskan bahawa tajuk berkaitan Perjanjian Malaysia (MA63) telah sedia ada dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah di peringkat rendah dan menengah.

Sekian, terima kasih.

RJM78